



جدوال قمبراچان خطبه جمعة

سيري 9/ 2022

(Bulan September Tahun 2022)

ب	تاجوق	تاريخ	موک سورت
1.	قلهاراله اينستيتوسي گكلواركان اسلام	2.9.2022M/ 5 Safar 1444H	3
2.	برسدرهان دالم بريلنجا	9.9.2022M/ 12 Safar 1444H	9
3.	خطبة سمفنا هاري مليسيا	16.9.2022M/ 19 Safar 1444H	13
4.	سهيت قمودا الكهف	23.9.2022M/ 26 Safar 1444H	18
5.	منجائي پاوا ساتو كواجيشن	30.9.2022M/ 3 Rabi'ulawwal 1444H	25
	خطبه كدوا		30

فرچيتقن ديبايعي:



تليفون : 549808-04

Jawatankuasa Panel Semakan Teks Khutbah Negeri Pulau Pinang

- 1. SS Dato' Seri Dr. Haji Wan Salim bin Wan Mohd Noor
(Pengerusi)**
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang
- 2. Prof. Madya Dr. Atikullah bin Abdullah**
Pensyarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,
Universiti Sains Malaysia
- 3. Y.Bhg Dato' Rosli bin Othman**
Ketua Penolong Pengarah Kanan, Sektor Pendidikan Islam,
Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang
- 4. Ustaz Ahmad bin Hashim**
Ketua Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran,
Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)
- 5. Ustazah Rohayati binti Daud**
Penyelaras Program Intervensi Kaunseling,
Universiti Sains Malaysia
- 6. Ustaz Mohd Salmi bin Shaimi**
Guru, Madrasah Irshad Al-Ashraf Al-Wataniah, SPS
- 7. Ustaz Subki bin Mohamed**
Pensyarah, IPG Kampus Tuanku Bainun
- 8. Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab
(Setiausaha)**
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)



Peliharalah Institusi Kekeluargaan Islam

(2 September 2022M / 5 Safar 1444H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَ الْأُسْرَةَ الرُّكْنَ الْأَسَاسِيَّ فِي بِنَاءِ كُلِّ أُمَّةٍ،
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، أَقَامَ الْأُسْرَةَ عَلَى الْمَوَدَّةِ وَالرَّحْمَةِ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا رَسُولَ اللَّهِ، بَيَّنَّ أَنَّ الْأُسْرَةَ أَمَانَةٌ يُحَاسَبُ عَلَيْهَا الْعَبْدُ
وَمَسْئُولِيَّةٌ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ إِلَى يَوْمِ
الْقِيَامَةِ.

أَمَّا بَعْدُ فَاتَّقُوا اللَّهَ عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى حَقَّ تَقْوَاهُ

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Pada hari yang penuh berkat ini, khatib ingin mengajak siding Jemaah semua untuk merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran atas nikmat iman dan Islam. Ayuh kita rebut kesempatan pada usia yang masih berbaki ini untuk terus memperkukuhkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya.

Sebelum melanjutkan bicara, suka khatib memberi peringatan. Marilah kita tinggalkan perkara lagha yang bertentangan dengan sunnah serta adab yang boleh mengurangkan pahala, iaitu tindakan yang memesongkan perhatian daripada mendengar khutbah dan isi kandungannya. Ini termasuklah perbuatan berbual-bual, tidur dengan sengaja bermain telefon bimbit dan menggerakkan tabung kutipan semasa khatib sedang berkhutbah. Bagi melengkapinya kewajipan solat jumaat hari ini, marilah kita menghyati bicara mimbar yang bertajuk: **“Peliharalah Institusi Kekeluargaan Islam.”**

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Ajaran Islam amat mementingkan hubungan kekeluargaan yang baik dan keluarga yang dibina tersebut hendaklah dipimpin supaya semua ahlinya selamat di dunia dan di hari akhirat. Allah berfirman dalam surah At-Tahrim ayat 6:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قُوا أَنْفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ عَلَيْهَا مَلَائِكَةٌ
غِلَاطٌ شِدَادٌ لَا يَعْصُونَ اللَّهَ مَا أَمَرَهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ ﴿٦﴾

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari neraka yang bahan-bahan bakarnya: manusia dan batu (berhala); neraka itu dijaga dan dikawal oleh malaikat-malaikat yang keras kasar (layanaannya); mereka tidak menderhaka kepada Allah dalam segala yang diperintahkan-Nya kepada mereka, dan mereka pula tetap melakukan segala yang diperintahkan.”

MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH,

Fitrah manusia ingin hidup berkeluarga, berkahwin dan mempunyai zuriat. Bersyukurlah kita kepada Allah jik kita telah berkeluarga dan Bahagia Bersama keluarga kita. Aindai kita belum berkahwin, pohonlah kepada Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** untuk mengurniakan kita jodoh yang baik, khususnya yang beriman dan tinggi kesedaran agamanya. Mudah-mudahan dengan pasangan yang baik, hidup kita mampu melayari kehidupan di dunia ini dalam keadaan aman dan tenang yang menjadi tujuan kita berkahwin.

Namun demikian, lumrah kehidupan pastinya akan ada ujian dan cabaran dalam hidup berkeluarga. Oleh yang demikian, ilmu pengetahuan keibubapaan amat perlu dalam dunia yang semakin mencabar ini. Apatah lagi dunia sekarang tdak seperti dahulu di mana anak-anak kita terdedah kepada pengaruh globalisasi dan pelbagai ideologi yang bertentangan dengan ajaran Islam.

Jika ilmu pengetahuan yang bermanfaat yang diambil, maka selamatlah keluarga kita. Akan tetapi, jika sebaliknya maka akan porak perandalah institusi kekeluargaan dengan masalah sosial yang amat menggerunkan. Oleh sebab itulah, dalam satu hadis yang diriwayatkan oleh Ummu Salamah **رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا**, Nabi

صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ selalu berdoa selepas Subuh dengan satu doa yang memohon ilmu yang bermanfaat, rezeki yang baik dan amalan yang diterima oleh Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى. Lafaz doa-Nya berbunyi:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ عِلْمًا نَافِعًا، وَرِزْقًا طَيِّبًا، وَعَمَلًا مُتَقَبَّلًا

Maksudnya: “Ya Allah, aku memohon kepada-Mu ilmu yang bermanfaat, rezeki yang baik dan amal yang diterima.”

(Hadis Riwayat Ibnu Majah)

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Fenomena ‘Dunia Tanpa Sempadan’ telah mendedahkan anak-anak kita pada unsur negative melalui pelbagai medium, sama ada melalui media sosial dan pelbagai aplikasi yang boleh mengundang keruntuhan institusi rumah tangga. Khatib kongsi beberapa perkara yang boleh kita renungkan Bersama untuk sama-sama kita berwaspada dan mengambil Tindakan.

Pertama: Unsur LGBT dalam media sosial dan filem. Sebagai contoh terdapat filem kartun dan animasi yang dielitkan adegan bercumbuan antara sesame jantina.

Menurut Profesor Madya Dr. Rafidah Hanim dari (USIM) Universiti Sains Islam Malaysia, filem “*Light Year*” keluaran *Disney* dan *Pixar* yang menjadi kegemaran ramai kanak-kanak di seluruh dunia telah memasukkan unsur seperti homoseksualiti yang telah diterapkan di dalam file mini melalui watak Wanita yang mempunyai hubungan dengan Wanita lain dan hubungan mereka digambarkan melalui ciuman sesame jantina.

Anak-anak kecil kita tidak mampu membezakan yang baik dan buruk melalui adegan-adegan tersebut. Kitalah sebagai ibu bapa yang wajib mengawasinya dan menyelamatkan minda mereka daripada terjebak dengan perlakuan seks songsang. Bak kata pepatah, “bila dh terantuk baru nak tengadah”.

Kesan negatif daripada pengaruh gaya hidup LGBT antaranya dapat diperhatikan apabila anak-anak berganjak ke usia dewasa dan sampai masa untuk berkahwin. Tanpa disedari mereka telah memilih jalan yang bertentangan dengan fitrah, nauzubillah. Semoga ahli keluarga kita semua dilindungi Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى dari terjebak dengan fenomena LGBT yang dimurkai Allah ini.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Perkara kedua yang perlu kita renungi adalah, ancaman permainan dalam talian atau games kepada minda dan akidah anak-anak kita. Sememangnya, rata-rata anak kita memiliki gajet. Sama ada mereka memblinya ataupun kita yang menyediakan kepada mereka. Tiada salahnya penggunaan gajet untuk tujuan yang bermanfaat seperti mencari bahan tugas dan pembelajaran mereka.

Namun demikian, ia akan menjadi ancaman jika tersalah cara penggunaannya dengan terlebih masa tumpuan kepada permainan online dengan rakan-rakan dan menyebabkan ketagihan. Malah, ia juga mengandungi unsur yang bertentangan dengan akidah Islam seperti berikut:

1. Ritual dan upacara penyembahan kepada iblis.
2. Penghinaan kepada symbol dan syiar Islam
3. permohonan restu daripada dewa-dewa
4. Suasana peperangan antara Tuhan-tuhan
5. Watak berkuasa seperti Tuhan.
6. membina kuil-kuil
7. Unsur Akidah agama lain
8. Unsur khurafat

Jelaslah permainan sebegini boleh mempengaruhi minda kanak-kanak Islam ke arah amalan dan pegangan aqidah yang salah.

MUSLIMINI YANG DIRAHMATI ALLAH,

Bagi mengakhiri khutbah pada minggu ini, mimbar ingin merumuskan beberapa kesimpulan:

PERTAMA: Insitisi kekekuargaan hendaklah diperteguhkan dengan aqidah, ibadah dan akhlak Islam.

KEDUA: Ibu bapa hendaklah sentiasa mengawasi perkembangan anak-anak agar mereka tidak terpengaruh dengan ancaman LGBT termasuk gejala seks bebas dan seks songsang.

KETIGA: Ibu bapa juga hendaklah mengawal gajet anak-anak supaya mereka tidak menyalahgunakannya.

KEEMPAT: Luangkan lebih masa bersama anak-anak supaya mereka merasai diri disayangi.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

إِنَّمَا أَمْوَالُكُمْ وَأَوْلَادُكُمْ فِتْنَةٌ وَاللَّهُ عِنْدَهُ أَجْرٌ عَظِيمٌ ﴿١٥﴾

Maksudnya: “Sesungguhnya harta benda kamu dan anak-anak kamu itu hanyalah menjadi ujian dan di sisi Allah jualah pahala yang besar.”

﴿سورة التغابن، آيات 15﴾

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْكِتَابِ وَالسُّنَّةِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِالْآيَاتِ وَالْحِكْمَةِ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا، إِنْ كَانَ صَوَابًا فَمِنَ اللَّهِ الْمَنَّانِ، وَإِنْ كَانَ خَطَأً فَمِنْ نَفْسِي وَالشَّيْطَانِ، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



خطبة كدوا بولن سيقتيمبر

2022M/ 1444H

الْحَمْدُ لِلَّهِ عَلَى الْإِثْمِ وَإِحْسَانِهِ، وَالشُّكْرُ لَهُ عَلَى تَوْفِيقِهِ وَامْتِنَانِهِ،
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ تَعْظِيمًا لِسَانِهِ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ دَاعِيًا إِلَى رِضْوَانِهِ.
صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ، عَدَدَ خَلْقِهِ وَرِضَا نَفْسِهِ،
وَزِينَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى رَبَّكُمْ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَاعْمَلُوا بِطَاعَتِهِ وَمَرْضَاتِهِ،
ثُمَّ ااعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ بَدَأَ فِيهِ بِنَفْسِهِ؛ فَقَالَ - عَلِيمًا حَكِيمًا:
إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

[الأحزاب: 56]

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلَّم عَلَى عَبْدِكَ وَرَسُولِكَ مُحَمَّدٍ الْبَشِيرِ النَّذِيرِ، وَالسَّرَاجِ الْمُنِيرِ،
وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ آلِهِ وَصَحَابَتِهِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابِعِينَ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى
يَوْمِ الدِّينِ، وَعَنَّا مَعَهُمْ بِعَفْوِكَ وَكَرَمِكَ وَإِحْسَانِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،
اللَّهُمَّ آمِنَّا فِي أَوْطَانِنَا، وَأَصْلِحْ وَاحْفَظْ أَيْمَتَنَا وَعُلَمَاءَنَا وَوُزَرَائِنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا.
اللَّهُمَّ وَفِّقْهُمْ لِمَا فِيهِ عِزُّ دِينِكَ وَنَصْرُ شَرِيعَتِكَ، اللَّهُمَّ اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهْتَدِينَ
صَالِحِينَ مُصْلِحِينَ وَاشْمَلِ اللَّهُمَّ بِعِنَايَتِكَ وَتَوْفِيقِكَ عَلَى صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan
Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni

Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah Binti Almarhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj;

وَكَذَلِكَ صَاحِبُ الْفَخَامَةِ،

Tuan Yang Terutama, Tun Dato' Seri Utama Ahmad Fuzi Bin Haji Abdul Razak, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالرِّيَاءَ، وَالرِّبَا وَالزُّنَا وَالزَّلَازِلَ وَالْمِحْنَ وَسُوءَ الْفِتَنِ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ عَن بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَعَنْ سَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجُدَامِ وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah! Dengan sifat-Mu yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar, jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah serta mengeluarkan zakat dan melaksanakan waqaf.



Ya Allah! Berilah petunjuk-Mu kepada kami, pemuda-pemuda kami, pemimpin-pemimpin kami untuk memberikan khidmat bakti yang terbaik kepada agama, bangsa dan negara.

Ya Allah! Kau hindarilah kami daripada perbuatan-perbuatan khianat dan durjana yang merosakkan kepentingan agama, masyarakat dan negara.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿١٠﴾ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْجَلِيلَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا
عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ ﴿١١﴾